- Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.
- (ii) **Dua** tuntutan yang terdapat dalam ayat di atas:
- Manusia adalah sama di sisi Allah SWT/ tanpa mengira warna kulit dan rupa paras.
 - Allah tidak melihat jantina atau bangsa/ tetapi Allah SWT memandang hati dan amalan hamba-Nya.
 - Meyakini kekuasaan Allah SWT melalui makhluk ciptaan-Nya/ sebagai asas keimanan kepada Allah SWT.
 - Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya/ kerana perkara itu merupakan sebahagian daripada perintah Allah SWT yang wajib dilaksanakan.
- (iii) **Dua** pengajaran daripada ayat di atas :
- Kita hendaklah saling bekerjasama *untuk* membina kehidupan yang harmoni.
 - Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya *supaya* wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat.
 - Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak *supaya* menjadi insan bertaqwa.
- (b) (i) **Dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat :
- Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman
 - Menegakkan syariat Islam
 - Menyusun sistem pentadbiran yang cekap
 - Menyediakan infrastruktur yang lengkap
 - Bersikap toleransi terhadap orang bawahan
- (ii) **Dua** tanggungjawab anda sebagai seorang anak terhadap ibu bapa:
- Berbakti kepada ibu bapa sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia
 - Sentiasa mendoakan mereka
 - Sentiasa membantu mereka dengan sebaik-baiknya
 - Sentiasa berbuat baik dengan ibu bapa dan menyambung silaturrahim dengan rakan-rakan mereka
- (iii) **Dua** akibat sekiranya seseorang anak itu tidak melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan :
- Hilang kepercayaan orang lain terhadapnya kerana tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik
 - Kehidupannya tidak tenteram kerana tidak menjalankan tugas sebagai seorang anak
 - Jiwa menjadi resah kerana ingkar arahan ibu bapa

- (c) (i) Ra' Tafkhim
Cara Bacaan : Ra' ditebalkan
- (ii) Mad Silah Qasirah
Cara bacaan : 2 Harakat
- 2 (a) (i) Maksud ajaran sesat :
– Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.
- (ii) **Dua** ciri ajaran sesat dalam aspek al-Quran dan al- Hadis :
– Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata mata.
– Meyakini terdapat al-Quran lain yang tersembunyi.
– Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum.
- (iii) **Dua** kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat:
– Akidahnya menjadi rosak / (1m) kerana terjerumus dalam fahaman yang salah. (1m)
– Maruah dirinya tercemar / (1m) kerana terlibat dalam fahaman yang berbeza daripada pegangan masyarakat. (1m)
- (b) (i) **Dua** nama lain Ahli Sunnah Waljamaah :
– As sawadu al-‘Akzom
– Al-Asya’irah
– As-Salafussoleh
– Ahlul Hadis
– Al-Maturidiah
- (ii) Pandangan Ahli Sunnah Waljamaah terhadap perkara berikut :
(a) **Melihat Allah** :
– Orang mukmin dapat melihat Allah SWT di syurga pada hari kiamat.
(b) **Kedudukan Iman** :
– Iman seseorang boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan
- (iii) **Dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah :
– Dapat membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan supaya selamat daripada akidah yang menyeleweng.
– Menjadi asas kepada penerimaan sesuatu amalan kerana Allah SWT menerima yang benar.
– Hidup diredhai Allah SWT kerana berada di jalan yang benar.
– Dapat memelihara kesucian agama Islam
– Menjamin keamanan negara daripada sebarang konflik agar imej Islam terpelihara.
– Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat
– Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau supaya selamat daripada sebarang kekeliruan dalam akidah.
- (c) **Cadangan Jawapan** :
– Berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW menerusi para sahabat dan tabiin serta tabi' tabiin dalam semua aspek. Hal ini kerana ,akidah yang telah diakui kesahihannya dan menepati syarak. Kesannya, amalan yang dilakukan akan diterima oleh Allah SWT. Kesimpulannya, kita hendaklah memelihara kesucian agama Islam supaya terhindar daripada fahaman yang menyeleweng.
- 3 (a) (i) Maksud muamalat Islam :
– Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.
- (ii) **Dua** matlamat pensyariatian muamalat dalam Islam :
– Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia.
– Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah.
– Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam.
– Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik harta.
– Mendapat keredaan Allah SWT kerana melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dalam urusan harian.

(iii) **Empat jenis akad dalam Islam.:**

- Pertukaran
- Kebajikan
- Perkongsian
- Agen
- Jaminan

(b) (i) **Dua** tanggungjawab suami terhadap keluarga:

- Menyediakan keperluan asas / yang sempurna
- Memberikan kasih sayang ,belas kasihan serta nafkah batin / kepada isteri
- Memberikan layanan yang baik / kepada isteri
- Memberikan ilmu pengetahuan dan didikan agama / secukupnya
- Menyelesaikan mahar / yang belum jelas.

(ii) **Dua** tanggungjawab suami isteri dari segi ibadah:

- Mendidik keluarga dengan memberi pengetahuan ibadah / (1m) supaya ibadah diterima oleh Allah SWT. (1m)
- Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadah / (1m) agar mendapat keberkatan daripada Allah SWT. (1m)
- mempraktikkan cara hidup bersyariah dalam keluarga /(1m) untuk kerukunan rumah tangga. (1m)
- Memelihara anggota keluarga daripada amalan yang menyeleweng / (1m) supaya akidah terpelihara. (1m)

(iii) **Cadangan Jawapan :**

- Berpunca daripada desakan ekonomi dan tekanan hidup.Hal ini kerana,tidak dapat mengatasi dan mengawal emosi. Kesannya, ada yang bertindak mencederakan pasangan atau ahli keluarga. Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan berzikir supaya mendapat ketenangan hati.

4 (a) (i) **Dua** sumbangan khalifah kerajaan Umayyah sama ada (a) atau (b) :

(a) **Khalifah Muawiyah bin Abi Sufian:**

- Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal
- Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda (Diwan al Barid)
- Memperkenalkan cop mohor rasmi (Diwan al Khatim)
- Menubuhkan jabatan setiausaha (Diwan ar Rasail)
- Memperkasakan Armada laut

(b) **Khalifah Al-Walid bin Abd Malek :**

- Pembukaan wilayah baru Islam seperti Andalus dan India
- Memperbaiki dan mencantikkan Masjid An- Nabawi
- Membina banyak masjid baharu seperti Masjid Amawi di Damsyik
- Memberikan perhatian kepada rakyat yang berkeperluan khas seperti golongan warga emas dan orang buta dengan menubuhkan jabatan khas
- Menggalakkan pembinaan bangunan baharu yang bercirikan kesenian Islam
- Memperbaiki jalanraya menuju ke Hijaz bagi memudahkan perjalanan jemaah haji ke Mekah

(ii) **Dua** faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dalam aspek politik.:

- Pemilihan Damsyik yg strategik sebagai pusat pemerintahan oleh Khalifah Muawiyah bin Abi Sufian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran negara
- Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah
- Berjaya meluaskan wilayah Islam seperti di Rom,India dan China.

(iii) **Dua** iktibar dari pemerintahan kerajaan Umayyah kepada umat Islam :

- Sebagai umat Islam kita hendaklah menjaga hubungan baik di antara rakyat dengan pemerintah agar kehidupan menjadi harmoni

- Sebagai umat Islam kita sewajarnya memiliki semangat jihad yang tinggi dalam mempertahankan tanah air
 - Sebagai umat Islam kita hendaklah memartabatkan al-Quran dan as-Sunnah dalam urusan kepimpinan negara agar syariat Islam dapat ditegakkan
 - Sebagai umat Islam kita hendaklah mencontohi sifat-sifat yang ada pada para khalifah seperti zuhud dan tawaduk
 - Sebagai umat Islam kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan agar terjalin ikatan silaturrahim
 - Sebagai umat Islam kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan agar dapat memberi sumbangan kepada org lain.
- (b) (i) Riwayat ringkas Salahuddin al-Ayubi:
- Lahir: 532 Hijrah
 - Meninggal dunia: 589 Hijrah
 - Jawatan : Pemerintah Kerajaan Ayyubiyyah
 - Guru Tersohor : Ali bin al-Hassan
- (ii) **Dua** ketinggian akhlak beliau sehingga menjadi tokoh yang unggul hingga hari ini:
- Menghormati para ulamak
 - Berani mempertahankan agama
 - Prihatin terhadap kebajikan rakyat
- (iii) **Cadangan Jawapan :**
- Mengamalkan akhlak yang baik supaya tiada sebarang pelanggaran disiplin berlaku. Contohnya, sentiasa mematuhi peraturan sekolah. Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha menyebarkan dakwah agar terpelihara akidah umat Islam.
- Cadangan Isi:**
- Kejayaan dalam semua bidang yang diceburi
 - Kecemerlangan dalam akademik
 - Akhlak mulia yang diamalkan

- 5 (a) (i) Pengertian tawaduk :
- Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.
- (ii) **Dua** cara mengamalkan tawaduk dalam kehidupan seharian :
- Menjauhkan diri dari bersikap sombong/ angkuh
 - Mengamalkan sikap hormat menghormati antara satu sama lain
 - Sentiasa bersyukur atas nikmat kurniaan Allah.
- (iii) **Dua** hikmah tawaduk terhadap individu :
- Membentuk insan yang bertaqwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah
 - Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong
 - Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling menghormati antara satu sama lain
 - Mendapat kedudukan yang mulia disisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur
 - Membudayakan sikap merendah diri supaya kepentingan Islam terpelihara.
- (b) (i) Hukum menziarahi orang sakit :
- Sunat
- (ii) **Dua** adab menyantuni orang sakit dari aspek emosi:
- Memberikan semangat/motivasi agar mereka sabar/ redha.
 - Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising/ tempoh ziarah yang lama
- (iii) **Dua** hikmah beradab terhadap orang sakit :
- Menggembirakan pesakit / agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT.
 - Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat / agar hidup diberkati Allah SWT.
 - Melahirkan keinsafan / kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.

- 1 (a) (i) Maksud ayat :
- Dan mereka yang tetap memelihara solatnya.
- (ii) **Dua** contoh perkataan yang sia-sia :
- Mencarut
 - Berbual kosong ketika belajar
- (iii) **Dua** akibat perbuatan yang sia-sia terhadap keperibadian pelajar:
- Menjatuhkan maruah diri / kerana melakukan perkara yang merosakkan akhlak.
 - Dipandang hina oleh masyarakat / kerana melakukan perkara yang tidak baik.
- (b) (i) **Dua** individu lain yang diberi tanggungjawab selain anak :
- Suami / Isteri
 - Pemimpin
 - Pekerja
- (ii) **Dua** tanggungjawab isteri dalam rumahtangga :
- Mentaati suami dan menunaikan haknya
 - Menjaga maruah diri, suami dan keluarga
 - Memelihara dan mendidik anak-anak
 - Mengurus rumahtangga
- (iii) **Dua** pengajaran daripada hadis di atas :
- Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin kerana mereka akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak
 - Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin dengan adil dan amanah supaya memperolehi ganjaran daripada Allah SWT.
 - Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga agar selamat di dunia dan di akhirat.
- (c) (i) Mad Lazim Harfi Musaql
Cara bacaan : 6 harakat
- (ii) Mad Lazim Kalimi Musaql
Cara bacaan : 6 harakat
- 2 (a) (i) **Dua** aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:
- Syiah
 - Khawarij
- (ii) **Dua** prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:
- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lida dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman
 - Perbuatan manusia dicipta oleh Allah, namun manusia diberi pilihan untuk melakukannya atau tidak serta dihitung baginya dosa dan pahala
 - Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan as-Sunnah, antaranya persoalan kubur dan Hari Akhirat
 - Meyakini kewujudan syurga dan neraka sebelum dijadikan makhluk
 - Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin Allah, termasuk syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman
 - Perutusan para rasul adalah harus bagi Allah dan merupakan rahmat-Nya kepada manusia.
- (iii) **Dua** kepentingan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :
- Dapat membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan.
 - Menjadi asas kepada penerimaan sesuatu amalan
 - Hidup diredhai Allah SWT kerana berada di jalan yang benar.
 - Dapat memelihara kesucian agama Islam
 - Menjamin keamanan negara daripada sebarang konflik
 - Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat
 - Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau.

- (b) (i) Contoh perkataan yang membatalkan iman melalui persendaan hukum hakam Islam :
- “Bilal itu menyalak seperti anjing”.
 - “Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi”
- (ii) **Dua** syarat terbatalnya iman.:
- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa kepada kufur.
 - Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan.
 - Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun Iman dan rukun Islam.
 - Melakukan perkara yang jelas membawa kepada kekufuran.
- (iii) **Dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman :
- Mendalami ilmu akidah Islam (1m)/ supaya dapat memahami batas-batas iman dan kufur. (1m)
 - Bersahabat dengan orang yang soleh (1m) yang dapat membimbing diri ke arah kebaikan. (1m)
 - Sentiasa melakukan amalan soleh (1m) yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul. (1m)
 - Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan (1m)/ berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. (1m)
 - Sentiasa berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT (1m) / agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam. (1m)
 - Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT (1m) / atas dosa dan kesalahan yang telah dilakukan. (1m)

- 3 (a) (i) Maksud solat Dhuha :
- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari / selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.
- (ii) Waktu yang sesuai dilakukan solat Dhuha :
- Selepas 28 minit waktu syuruk sehingga waktu zuhur
- (iii) **Dua** hikmah menunaikan solat Dhuha :
- Dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT/ supaya dapat meraih kasih sayang daripada-Nya.
 - Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa / kerana melazimi ibadah sunat yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.
 - Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT / kerana sentiasa tekun beribadah kepada-Nya
- (b) (i) Maksud hukum qisas :
- Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan as-Sunnah
- (ii) **Dua** jenis kesalahan di bawah hukuman qisas beserta hukumannya:
- Pembunuhan , Hukuman : Mati dan Diyat (jika ada pengampunan daripada waris mangsa)
 - Perbuatan yang membawa kepada kecederaan, Hukuman : Balasan yang sama dan Diyat (Jika ada pengampunan daripada mangsa atau waris mangsa).
- (iii) **Cadangan Jawapan :**
- Melaporkan perbuatan jenayah kepada pihak yang sewajarnya . (1m)
Hal ini kerana tindakan segera dapat diambil oleh pihak berkuasa. (1m)
Kesannya, kesalahan jenayah dapat dibendung daripada berleluasa di kalangan remaja.
Kesimpulannya, kita hendaklah membentaras aktiviti jenayah agar masyarakat dapat hidup dalam keadaan harmoni. (1m)

Cadangan Isi:

- Melaporkan perbuatan jenayah kepada pihak yang sewajarnya
- Mengajak pelajar menjauhi perbuatan maksiat dan jenayah
- Mengisi masa lapang dengan perkara dan hobi yang berfaedah

- 4 (a) (i) **Dua** nama pemerintah yang terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniah.:
- Sultan Uthman bin Ertughrul
 - Sultan Murad I
 - Sultan Muhammad al-Fateh
 - Sultan Sulaiman al-Qanuni
- (ii) **Dua** faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniyyah :
- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat
 - Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi
 - Gerakan menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah
 - Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir
 - Perebutan kuasa dalam kalangan putera-putera raja
- (iii) **Cadangan Isi :**
- Sistem pentadbiran negara menjadi mantap
 - Negara menjadi aman dan harmoni
 - Keperluan rakyat dapat dipenuhi
 - Ekonomi negara menjadi maju
 - Kehidupan rakyat harmoni dan tenang
 - kadar kegiatan jenayah menurun
- (b) (i) Riwayat ringkas hidup Imam Abu Hanifah:
- Nama Penuh : An-Nukman Bin Thabit Al Kufi
 - Tarikh Lahir : 80H di Kufah
 - Tarikh Wafat : 150H
 - Kuniyah : Abu Hanifah
- (ii) **Dua** sumbangan Imam Abu Hanifah dalam tamadun Islam :
- Hasil karya : Al-Faraid, Al-Fiqhul Akbar.
 - Asas mazhab : Fatwa para sahabat, Qias, Istihsan
 - Mazhab tersebar : Asia Tengah dan Eropah.
 - Anak murid : Abu Yusuf, Muhammad Bin Al- Hassan ,Al-Syaibani dan Zufar bin Huzail
- (iii) **Dua** iktibar yang boleh diambil daripada kesungguhan Imam mazhab :
- Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi kegigihan Imam dalam menuntut ilmu (1m) supaya kita berjaya dalam kehidupan (1m)
 - Sebagai umat Islam, kita hendaklah menghormati perbezaan pendapat (1m) supaya masyarakat harmoni.
 - Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari (1m) agar hidup kita diberkati oleh Allah SWT (1m)
 - Sebagai umat Islam, kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran (1m) agar dapat dimanfaatkan.
- 5 (a) (i) Maksud alam sekitar :
- Segala benda yang hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.
- (ii) **Dua** adab menjaga alam sekitar :
- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna
 - Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan /seperti penanaman semula pokok bakau.
 - Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar /seperti bergotong-royong membersihkan kawasan rumah dan asrama.
 - Sentiasa menjaga kelestarian alam /seperti menjaga kebersihan sungai.
 - Sentiasa mengamalkan cara hidup mesra alam /seperti amalan kitar semula.
 - Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.
- (iii) **Cadangan Jawapan :**
- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan.Hal ini kerana akan menjaga kelestarian alam dan memelihara kehidupan flora dan fauna.Kesannya, menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit. Kesimpulannya, kita hendaklah berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber alam sekitar agar tidak terancam atau pupus.

Cadangan Isi:

- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat
 - Melaporkan kepada pihak berkuasa
 - Menggiatkan kempen mencintai alam sekitar
 - Mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna /agar tidak terancam atau pupus.
 - Memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan.
- (b) (i) Maksud orang kurang upaya :
- Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat /dari segi fizikal mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya.
- (ii) **Dua** adab yang perlu dijaga apabila melaksanakan ibadah dengan golongan orang kurang upaya.:
- Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk beribadat dengan selesa.
 - Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadat.
- (iii) **Dua** hikmah daripada pernyataan di atas terhadap orang kurang upaya :
- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri OKU / kerana mendapat perhatian dan keistimewaan.
 - Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat / agar perpaduan dapat diwujudkan.
 - Melahirkan rasa syukur / kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.
 - Memudahkan OKU melakukan urusan harian / dengan lebih lancar.

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023 SET 4

- 1 (a) (i) Maksud khushyuk dalam solat :
- Menumpu sepenuh hati dan penghayatan dengan cara menetapkan anggota, memahami bacaan dan perbuatan ketika mendirikan solat.
- (ii) **Dua** cara memperolehi khushyuk dalam solat :
- Menumpukan perasaan dan hati ketika solat.
 - Memahami maksud ayat yang dibaca.
 - Melupakan urusan dunia.
 - Menghadapkan pandangan ke tempat sujud.
 - Tidak bergerak kecuali berkaitan solat.
 - Memastikan suasana dan tempat solat tenang dan aman.
- (iii) **Dua** kelebihan orang khushyuk dalam solat :
- Menambah kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT agar menjadi muslim sejati.
 - Mendapat ketenangan kepada jiwa kerana yakin dengan penciptaan-Nya.
 - Menimbulkan perasaan bertanggungjawab dalam semua urusan kerana mentaati perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.
- (b) (i) **Dua** tanggungjawab sebagai seorang pekerja :
- Mengikut arahan ketua
 - Bekerja dengan penuh berintegriti.
 - Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.
 - Melaksanakan tugas dengan sempurna.
- (ii) **Dua** akibat sekiranya pekerja tidak melaksanakan tanggungjawab :
- Hilang kepercayaan orang lain terhadapnya kerana tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik.
 - Kehidupannya tidak tenteram kerana tidak menjalankan tugas.
 - Yakin dengan kemampuan diri
 - Berazam dengan hemah yang tinggi.
 - Berusaha bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan
- (iii) **Dua** pengajaran daripada hadis di atas :
- Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

- Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin dengan adil dan amanah.
 - Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga agar selamat di dunia dan akhirat.
- 2 (a) (i) Maksud al-Muntaqim :
- Nama Allah SWT yang memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang melampaui batas.
- (ii) **Dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim :
- Allah SWT membalas mereka yang menolak peringatan dari al-Quran dengan seksaan api neraka.
 - Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan.
 - Allah SWT memberi pembalasan terhadap golongan yang menentang agama Nya setelah diutuskan rasul.
- (iii) **Cadangan isi**
- Sedar akan kekuasaan Allah SWT
 - Manusia adalah hamba yang lemah.
 - Taat dan patuh kepada ajaran / syariat Islam
- Cadangan jawapan**
- Manusia akan rasa insaf dan sedar akan kekuasaan Allah SWT.
(1m) *Hal ini kerana* hanya Allah SWT yang berkuasa secara mutlak.
(1m) *Kesannya*, akan wujud sifat taqwa dalam diri setiap manusia. (1m)
Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa bertaqwa kepada Allah agar hidup dirahmati oleh-Nya. (1m)
- (b) (i) Takrif ajaran sesat :
- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al - Quran dan as-Sunnah.
- (ii) **Dua** ciri ajaran sesat dalam aspek akidah:
- Mengaku menjadi nabi dan rasul.
 - Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi.
 - Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.
 - Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan.
 - Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.
 - Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin.
- (iii) **Dua** kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat :
- Akidahnya menjadi rosak / (1m) *kerana* terjerumus dalam fahaman yang salah. (1m)
 - Maruah dirinya tercemar / (1m) *kerana* terlibat dalam fahaman yang berbeza daripada pegangan masyarakat.(1m)
- 3 (a) (i) Maksud solat sunat gerhana:
- Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau bulan dengan cara-cara yang tertentu.
- (ii) **Dua** amalan yang dianjurkan ketika gerhana selain solat sunat gerhana :
- Memperbanyak istighfar
 - Berdoa
 - Bertakbir
 - Bersedekah
- (iii) **Dua** hikmah menunaikan solat sunat gerhana :
- Menginsafi kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semesta agar sentiasa bersyukur di atas nikmat yang diberikan.
 - Memohon keampunan kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan samada sengaja atau tidak sengaja agar hidup mendapat keredhaan-Nya.
 - Memberikan peringatan kepada manusia supaya kita tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran.

- Memandu manusia mentauhidkan Allah SWT kerana meninggalkan amalan khurafat selepas gerhana.
 - Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW.
- (b) (i) Maksud hukum hudud :
- Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuknya dalam al-Quran dan as-Sunnah.
- (ii) Hukuman :
- (a) Minum arak : 40 kali sebatan
 - (b) Mencuri : Potong Tangan dan memulangkan barang yang dicuri.
- (iii) **Dua** hikmah hukuman jenayah dalam Islam :
- Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia (1m) / agar dapat hidup dengan sejahtera.
 - Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian (1m) / agar masyarakat dan negara aman sentosa.
- (c) **Cadangan Jawapan :**
- Pelaksanaan hudud akan menyuburkan nilai-nilai kesucian dalam masyarakat. *Hal ini kerana*, menutup pintu-pintu kerosakan yang memporak-perandakan keharmonian individu dan keluarga. Kesannya, masyarakat berada dalam keadaan aman daripada malapetaka bencana alam dan huru hara. *Kesimpulannya, kita hendaklah* berusaha mengamalkan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT agar imej umat Islam dipandang tinggi.
- 4 (a) (i) **Dua** sifat yang menunjukkan khalifah Ali bin Abi Talib seorang yang berani :
- Telah menyertai hampir kesemua peperangan seperti Perang Badar dan Perang Khaibar serta berada di barisan hadapan.
 - Sanggup menerima jawatan khalifah walaupun mengetahui bebanan yang bakal dihadapi.
- (ii) **Dua** pencapaian pemerintahan khulafa ar-Rasyidin dalam bidang ekonomi :
- Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan kharaj.
 - Memajukan sistem pengairan dan saliran melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan di Basrah.
 - Mengemas kini institusi baitulmal dan meneroka tanah baharu untuk memperbaiki hasil pertanian.
 - Meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan terhadap golongan zimmi.
- (iii) **Dua** iktibar yang boleh dicontohi daripada pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin :
- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah supaya kesejahteraan agama, rakyat dan negara dapat diutamakan.
 - Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan.
 - Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain supaya negara aman dan harmoni.
 - Kita hendaklah menyumbang ilmu dan kepakaran supaya dapat membangunkan dan memajukan negara.
 - Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik.
 - Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam supaya umat Islam dihormati.
- (b) (i) Riwayat ringkas Hassan al-Banna :
- Hassan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad Al-Banna
 - Lahir tahun 1323 Hijrah
 - Meninggal dunia tahun 1368 Hijrah
- (ii) **Dua** ketinggian akhlak Hassan al-Banna :
- Memuliakan orang yang warak dan saleh.
 - Menggerakkan usaha dakwah.
 - Berlapang dada apabila terdapat perbezaan pandangan.

(iii) **Cadangan Jawapan :**

- Sebagai pelajar, saya akan berusaha bersungguh-sungguh mempelajari sebanyak mungkin ilmu *supaya* saya dan umat Islam terus maju dan dipandang tinggi. **Contohnya** berusaha melakukan inovasi atau sesuatu yang baru dalam pelbagai bidang. **Kesimpulannya, kita hendaklah** bertanggungjawab terus berusaha memajukan umat *supaya* mencontohi tokoh-tokoh ilmuan dahulu.

5 (a) (i) **Maksud keseimbangan :**

- Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.

(ii) **Dua** contoh keseimbangan dalam wasatiyyah :

- Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah.
- Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.
- Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas.
- Melakukan ibadah dengan ikhlas.

(iii) **Cadangan isi :**

- Islam menuntut umatnya mengamalkan keseimbangan dalam kehidupan.
- Kecerdasan jasmani bagi seseorang itu wujud apabila dia mampu menjaga rehat yang cukup, makan yang seimbang dan riadah.

Cadangan Jawapan :

- Umat Islam dituntut mengamalkan keseimbangan dalam kehidupan (I) **kerana** orang yang memiliki sifat ini akan melakukan tugas dengan sempurna (H). **Kesannya** mereka mendapat keredhaan Allah dan mencapai kecemerlangan dalam kehidupan. (HL) Kesimpulannya, kita wajib besederhana supaya hidup kita diberkati Allah SWT. (K)

(b) (i) **Maksud mazmumah :**

- Sifat dan tingkah laku keji (1m) yang berlawanan dengan syarak(1m).

(ii) **Hikmah meninggalkan sifat mazmumah :**

- Membentuk akhlak mulia.
- Mendidik jiwa peribadi muslim yang cemerlang.
- Memperkukuhkan jati diri muslim.
- Mendapat ketenangan hidup.
- Memartabatkan imej Islam sebagai contoh terbaik.

(iii) **Perbezaan antara riak dan ujub :**

Riak	Ujub
– Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain.	– Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri.

(c) **Cadangan isi :**

- Sentiasa bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT dan kebendaan di dunia hanya sementara.
- Sentiasa muhasabah diri bahawa ada jiran lain yang kurang bernasib baik dan ditimpa musibah.
- Sentiasa memperbaiki diri yang penuh kekurangan.
- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT.
- Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia.